

02/04/1997

Pemuda lancar gerakan bina insan

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemuda Umno Kelantan akan melancarkan Gerakan Bina Insan bagi melahirkan 100 pemimpin Pemuda di setiap bahagian Umno di negeri itu tidak lama lagi.

Langkah itu bertujuan mewujudkan kumpulan teras pemuda dalam Umno Kelantan melalui kaedah berasaskan akhlak dan peribadi mulia yang dapat menjadi contoh kepada orang ramai.

Ketuanya, Zaiyadi Awang Noh, berkata pihaknya akan memohon bantuan kewangan RM30,000 untuk setiap bahagian mewujudkan 100 pemimpin Pemuda daripada Badan Perhubungan Umno negeri.

"Pemuda negeri bersetuju menjayakan program berkenaan dan kami akan bermesyuarat Khamis ini untuk merancang program menyeluruh bagi menjayakannya.

"Program ini selaras dengan kehendak Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, untuk melakukan reformasi kepemimpinan Pemuda," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, pemimpin Pemuda di setiap bahagian juga akan bertindak sebagai pemangkin dalam mewujudkan lebih banyak usahawan Melayu kelas menengah di negeri itu.

Zaiyadi juga sudah menemui Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Muhamed, untuk berbincang mengenai program yang boleh dibuat oleh Pemuda Kelantan.

"Sebagaimana yang kita tahu, orang Melayu Kelantan kebanyakannya mempunyai asas dalam perniagaan kerana minatnya yang tinggi dalam bidang berkenaan.

"Oleh itu, lebih mudah kita mewujudkan lebih banyak usahawan berjaya di kalangan orang muda kerana mereka mempunyai keupayaan dan semangat kerja keras," katanya.

Beliau juga memuji tindakan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang menyatakan hasrat untuk menyambut kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kelantan pada 5 April ini.

"Jika Arab Saudi boleh menghargai Dr Mahathir sebagai pemimpin dunia Islam itu, tentulah Menteri Besar juga wajar menghargainya," katanya.

Zaiyadi yang juga Pengerusi Majlis Kemahasiswaan Pergerakan Pemuda Umno turut mengumumkan program majlis itu untuk melancarkan Panel Perunding Kemahasiswaan (Peka).

Panel itu terdiri daripada bekas pemimpin mahasiswa khususnya daripada institusi pendidikan tinggi tempatan sejak 1960 hingga kini.

"Saya sedang meneliti senarai nama untuk dijadikan ahli bagi memjayakan panel itu sebagai rujukan bagi semua mahasiswa dalam negara ini untuk mendapatkan petua dalam kepemimpinan," katanya.

(END)